

20 AUG 2003

Mahathir-PBB/I

PM GESA PBB TERUS KEKAL DI IRAQ

PUTRAJAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata serangan bom ke atas ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Baghdad, semalam adalah kejadian yang di luar pemahaman beliau dan menggesa badan dunia itu supaya terus kekal di Iraq.

"Saya tak faham kenapa ditujukan kepada United Nations (PBB). UN tak ada salah apa," kata Perdana Menteri semasa mengulas kejadian yang mengorbankan sekurang-kurangnya 20 orang termasuk Wakil Khas PBB ke Iraq, Sergio Vieira de Mello.

Beliau menyifatkan pihak yang terbabit dengan serangan itu sebagai mereka yang sanggup melakukan apa sahaja untuk mencetuskan huru hara atau menyebabkan kecederaan dan kematian.

"Dia orang ini tak fikir langsung, kalau dia nak buat, dia pukul, kemudian nak bunuh orang, dia bunuh," katanya selepas menyampaikan sijil kepada 40 peserta Misi ke India anjuran Persatuan Pemotoran Malaysia pada tahun lepas.

Ditanya sama ada PBB perlu menimbang kemungkinan keluar dari Iraq, beliau berkata: "Saya fikir PBB sudah berada di sana, ia perlu kekal di sana."

Dr Mahathir bagaimanapun mengulangi bahawa PBB perlu mengambil alih pentadbiran Iraq daripada Amerika Syarikat sehingga negara yang dilanda perang itu mampu menjalankan pentadbiran sendiri.

Mengenai persepsi bahawa PBB kelihatan hilang imuniti di kawasan pergolakan dunia seperti Baghdad, beliau berkata: "Anda bukan berhadapan dengan orang yang mematuhi mana-mana peraturan. Mereka ini akan melakukan apa sahaja yang mereka suka."

Dr Mahathir juga ditanya sama ada Malaysia akan meningkatkan kawalan keselamatan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 yang akan berlangsung di sini Oktober ini, ekoran kejadian di Baghdad itu.

Perdana Menteri berharap tiada kejadian buruk akan berlaku pada sidang kemuncak itu.

Program Misi ke India itu membawa para peserta menjelajah sejauh 15,000km dari Kuala Lumpur ke Madras dengan melalui Thailand, Laos, China dan Nepal dari 19 April hingga 24 Mei tahun lalu.

Program itu bertujuan mengeratkan hubungan antara penduduk kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MAM JK MOZ